



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Ada Tangga, Guna Cerun' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 14 April 2010.

Dimaklumkan bahawa laluan yang disangkakan tangga itu sebenarnya bukanlah tangga untuk kegunaan awam. Ia merupakan initiatif pemaju sendiri yang membina laluan tersebut untuk memudahkan kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan sistem perparitan yang terdapat di situ. Jika diperhatikan gambar-gambar yang disertakan, ia jelas menunjukkan laluan tersebut bukan untuk kegunaan awam kerana di bahagian atas cerun terdapat 'guardrail' manakala tangganya juga tidak mempunyai mutu 'finishing' yang sesuai untuk kegunaan awam. Pihak pemaju juga telah menutup kedua-dua hujung tangga tersebut untuk menghindar orang awam dari menggunakannya.

Sehubungan itu, PPj akan berbincang dengan Bahagian Pengurusan Harta, JPM (BPH) dan Persatuan Penduduk berhubung keperluan laluan tersebut. Sekiranya didapati sesuai, PPj akan menyediakan rekabentuk dan membina laluan yang selamat bagi kemudahan pelajar-pelajar sekolah yang berkenaan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 April 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Sentral
M/s : 1
Tarikh : 14 April 2010

Ada tangga, guna cerun

Oleh Azrina Ahzan
dan Siti Aishah Sukaimi
www.bharian.com.my

PUTRAJAYA: Sebilangan murid Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 9 (2) di sini terpaksa mendaki dan memruni cerun ketika pergi dan balik sekolah selepas laluan bertangga yang menghubungkan kawasan apartmen mereka ditutup.

Kedua-dua cerun yang curam dan licin terutama selesa hujan memanaskan kerana ia adalah laluan terdekat untuk pulang ke rumah dan menjadi jadi pilihan sebilangan besar murid sekolah berkeibaikan.

Ketika ditemui, beberapa murid berkata, mereka terpaksa memerlukan cerun berkeras untuk menyeberang dan pergi ke sekolah dengan meenggalas bes dan basuh.

Mereka mendakwa sudah biasa menggunakan laluan itu sejak awal tahun lalu kerana laluan alternatif yang disediakan agak jauh iaitu kira-kira satu kilometer dari pintu utama sekolah hingga ke rumah mereka di apartmen itu, berbanding laluan berbusit itu hanya 300 meter.

Muhammad Bokhairi Kamarddin, 11, berkata setiap hari dia terpaksa melalui cerun bukit itu untuk pergi dan pulang dari sekolah kerana laluan tanpa yang disediakan di situ tidak pernah dibuka sejak ia siap dibina.

"Sudah lebih setahun saya dan adik menggunakan laluan cerun bukit ini untuk pergi dan pulang dari sekolah kerana ini saja laluan jauh dekat ke rumah."

Laluan ditutup menyebabkan pelajar kena daki bukit licin

"Ia memang menyusahkan lebih-lebih lagi apabila kami perlu membawa banyak buku ke sekolah pada hari tertentu dan pada masa sama terpaksa menggunakan laluan cerun bukit ini," katanya.

Malah, Muhammad Bokhairi berkata, beliau pernah terjatuh ketika melalui cerun bukit itu ketika pulang dari sekolah.


Perkara sama turut dilakukan Muhammad Amrullah Kamaruddin, 8, kerana baginya laluan itu adalah kemudahan untuk murid yang terjatuh kerajaan berhampiran.

"Saya minta supaya laluan tangga ini dibuka untuk memudahkan kami ke sekolah," katanya.

Sementara itu, Nuraini Ihsan, 12, berkata belum pernah memerlukan seorang murid terjatuh hingga terkoyak sekeras itu bahagian lututnya kelepas mundak. "Untuk sekarang ini laluan sangat licin sejya berbahaya kepada pengguna untuk menggunakanannya."

"Kejadian ini berlaku selesa hujan dan sekarang itu laluan sangat licin sejya berbahaya kepada pengguna untuk menggunakanannya."

Tinjauan *Sentral* mendapati laluan bersimen dari tangga berkenaan ke kuarteran kerajaan cuma berselang-selang dengan Sekolah Menelegah Kebangsaan Putrajaya Presint 9 (2).



PELAJAR terpaksa mendaki cerun berbahaya untuk ulang alik ke sekolah berikut laluan bertangga yang dibuka dikunci.